

**LENCONGAN DI LALUAN MASUK PLAZA TOL PERSIMPANGAN
PUTRA MAHKOTA: PLUS LAKSANA KERJA PENAMBAHBAIKAN
TURAPAN JALAN UNTUK BERI LEBIH KESELESAAN**

Petaling Jaya, 21 Ogos 2025:- Dalam usaha memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan menjalankan kerja penambahbaikan turapan jalan di satu lorong masuk di Plaza Tol Persimpangan Putra Mahkota di KM289.00 di Lebuhraya Utara-Selatan, **mulai jam 10.00 malam, pada 23 Ogos 2025 hingga jam 2.00 petang, 24 Ogos 2025.**

Sehubungan itu, PLUS menasihatkan pemandu kenderaan berat yang melebihi had lebar supaya menggunakan laluan alternatif di plaza tol berhampiran sama ada menerusi Plaza Tol Southville City di KM294.15 atau Plaza Tol Bandar Baru Nilai di KM283.8 semasa tempoh kerja-kerja dijalankan.

(Sila rujuk infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuhraya disaran supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan Aplikasi PLUS untuk mendapatkan maklumat trafik terkini. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik, Paparan Mesej Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---

LAMPIRAN

LENCONGAN LALUAN KENDERAAN BERAT & LEBAR DI PLAZA TOL PERSIMPANGAN PUTRA MAHKOTA BAGI KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN TURAPAN JALAN

Dijadualkan pada 10.00 malam, 23 Ogos hingga 2.00 petang, 24 Ogos 2025

Kenderaan berat melebihi had lebar dinasihatkan untuk menggunakan laluan alternatif



Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my [PLUSLine 1800-88-0000](tel:1800-88-0000) [Aplikasi PLUS](#) [PUTRI](#)



Ahli Kumpulan UEM